

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	MISI PENANDA ARAS PEMEGANG TARUH REFORMASI KARENAH BIROKRASI (RKB) KE KOREA SELATAN BAGI KAJIAN GINI COEFFICIENT DYNAMICS
OBJEKTIF	:	1. Mengenalpasti pendekatan Korea Selatan dalam menangani ketidaksamaan pendapatan melalui dasar pekerjaan, latihan vokasional dan perlindungan sosial, selaras dengan usaha RKB ke arah dasar sosial yang lebih bersasar dan mudah dilaksana. 2. Mengkaji hubungan antara pasaran buruh dan ketidaksamaan, termasuk sistem gaji dan kebolehpasaran pelbagai umur, bagi menyokong dasar sumber manusia yang lebih cekap dan kurang birokratik. 3. Memudahkan pelaksanaan seperti cukai progresif dan bantuan bersasar dalam agihan pendapatan yang adil, sejajar dengan RKB untuk penyampaian bantuan yang cepat dan terus kepada sasaran. 4. Mengenal pasti peluang kerjasama teknikal dan pemindahan ilmu untuk memperkukuh pelaksanaan dasar yang inklusif dan berimpak tinggi, selaras dengan prinsip RKB untuk tadbir urus yang pantas dan efisien.
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME	:	- Menyumbang kepada penambahbaikan skor indikator Gini Malaysia dalam World Competitiveness Ranking (WCR) 2025 melalui pembaikan reka bentuk dasar pengagihan pendapatan yang lebih efisien dan berasaskan bukti. - Memberikan input strategik kepada Kajian Gini Coefficient Dynamics, khususnya dalam usaha merapatkan jurang pendapatan antara sektor, wilayah dan kumpulan sosial melalui pembangunan kemahiran dan penciptaan pekerjaan berkualiti. - Memperkukuh pemahaman terhadap keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial, serta bagaimana prinsip ini diterjemah secara berkesan dalam dasar mikro dan makro ekonomi. - Menyokong agenda Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) melalui: - Penyampaian dasar yang lebih responsif, inklusif dan mesra pengguna, - Pengurangan lapisan birokrasi dalam pelaksanaan dasar fiskal dan sosial, - Penstrukturan semula proses pentadbiran berdasarkan data dan keberhasilan (outcome-based governance), dan - Penyampaian perkhidmatan awam yang cepat, telus dan berimpak tinggi
TARIKH & TEMPAT	:	1 – 5 September 2025 (Korea Selatan)
DELEGASI	:	3 orang Pegawai MPC

ANGGARAN KOS	:	Misi penanda aras ke Korea Selatan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh UPM Consultancy and Services berdasarkan peruntukan kajian sedia ada. Bajet TWIP (Skop Kajian Gini Coefficient) = RM 45,000.00 Bajet Operasi (Usahasama RKB-STAR) = RM 21,825.00 JUMLAH KESELURUHAN = <u>RM 66.825.00</u>
BAJET	:	TWIP & Operasi (Usahasama RKB-STAR)
CADANGAN OLEH	:	Unit Pasaran Buruh, Produktiviti Insan, MPC
Comment/ Signature by PCT		

MISI PENANDA ARAS KE KOREA SELATAN BAGI KAJIAN GINI COEFFICIENT DYNAMICS

1.0 Tujuan

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk memohon kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC bagi Program **Misi Penanda Aras Ke Korea Selatan bagi Kajian *Analyzing the Impact of Wage Inequality Among MSMEs on Labor Productivity Growth in Malaysia's Labour Market: A Study of The Gini Coefficient Dynamics***.

Kajian dan misi ini turut menyokong aspirasi **Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)** melalui pemeraksanaan dasar pasaran buruh yang berasaskan bukti serta memperkukuh penyampaian intervensi sosial dan fiskal secara lebih cekap, responsif dan inklusif.

2.0 Latarbelakang

Ketidaksamaan pendapatan merupakan isu struktur yang memberi kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi mampan, daya saing tenaga kerja, dan kestabilan sosial negara. Koefisien Gini merupakan indikator utama yang digunakan untuk mengukur tahap ketidaksamaan pendapatan dalam sesebuah negara.

Malaysia mencatat nilai Gini sekitar **0.39 pada tahun 2024**, mencerminkan jurang pendapatan yang masih ketara, walaupun terdapat sedikit penurunan berbanding tahun 2022. Sebaliknya, **Korea Selatan mengekalkan nilai Gini yang lebih rendah dan stabil sekitar 0.31**, meskipun berdepan cabaran seperti penuaan penduduk dan pertumbuhan ekonomi sederhana.

MPC kini bekerjasama dengan **UPM Consultancy & Services** dalam melaksanakan kajian yang bertujuan untuk meneliti impak ketidaksamaan gaji di kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terhadap pertumbuhan produktiviti tenaga kerja di Malaysia. Kajian ini turut menilai hubungan antara struktur pasaran buruh dan ketidaksamaan, termasuk:

- Amalan pekerjaan seumur hidup;
- Struktur gaji berasaskan kemahiran; dan
- Kebolehpasaran tenaga kerja pelbagai peringkat umur.

3.0 Rasional Misi Penanda Aras ke Korea Selatan

Pemilihan Korea Selatan sebagai lokasi penanda aras adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

- i. Koefisien Gini yang rendah dan stabil;
- ii. Pelaksanaan dasar sosial yang menyeluruh dan berkesan;
- iii. Struktur pasaran buruh yang stabil dan progresif;
- iv. Konteks Asia Timur yang relevan dengan Malaysia; dan
- v. Keupayaan mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan keadilan sosial.

Misi ini akan memfokuskan kepada **peranan dasar fiskal dan sosial** seperti cukai progresif, subsidi bersasar, serta akses kepada kesihatan dan perlindungan sosial awam dalam menjana pengagihan pendapatan yang lebih saksama. Pencerapan ini akan memberikan input kritikal dalam merangka dasar yang lebih berimpak tinggi di Malaysia, khususnya dalam meningkatkan produktiviti buruh melalui pengurangan ketidaksamaan upah.

4.0 Penyerlahan Terhadap Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)

Kajian ini merupakan salah satu inisiatif sokongan terhadap agenda **Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)** dengan menyumbang kepada:

- **Penyusunan semula dasar sosial dan fiskal** berdasarkan bukti, bagi memastikan penyaluran bantuan dan subsidi lebih bersasar dan cekap;
- **Pengurangan lapisan pentadbiran dan prosedur rumit** dalam pelaksanaan dasar, melalui penambahbaikan sistem penyampaian yang berpaksikan data dan keberhasilan; dan
- **Peningkatan kebolehaksesan perkhidmatan awam**, khususnya kepada segmen pekerja berpendapatan rendah dan PMKS.

Penemuan dari misi ini akan membolehkan MPC mencadangkan mekanisme penyampaian dasar sosial yang lebih ringkas, jelas dan mesra pengguna — sejajar dengan prinsip RKB untuk mewujudkan tadbir urus yang berkesan dan rakyat-centric.

5.0 Pencalonan Peserta

Penyertaan Pegawai MPC seramai 3 orang. Sila rujuk Lampiran 1

6.0 Anggaran Kos

Untuk makluman, misi penanda aras ke Korea Selatan ini akan **ditanggung sepenuhnya oleh UPM Consultancy dan Services** berdasarkan peruntukan kajian sedia ada sebanyak RM45,000.00. Manakala kos operasi yang terlibat adalah sebanyak RM21,825.00. Sila rujuk Lampiran 2.

7.0 Kelulusan BOM

Kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) diminta berdasarkan anggaran jumlah perbelanjaan RM66,825.00 untuk program tersebut.

Disediakan oleh:



Siti Sakinah Mohd Zaki
Penolong Pengurus
Tarikh: 7 Ogos 2025

Disemak oleh:



Dr. Suriati Zainal Abidin
Timbalan Pengarah
Tarikh: 7 Ogos 2025

Diluluskan oleh:



Mohamad Muzaffar Abdul Hamid
Pengarah
Tarikh: 8 Ogos 2025

**MISI PENANDA ARAS KE KOREA SELATAN BAGI KAJIAN
ANALYZING THE IMPACT OF WAGE INEQUALITY AMONG MSMES ON LABOR
PRODUCTIVITY GROWTH IN MALAYSIA'S LABOUR MARKET: A STUDY OF THE
GINI COEFFICIENT DYNAMICS.**

1 – 5 SEPTEMBER 2025 | KOREA SELATAN

SENARAI PESERTA

BIL	NAMA	JAWATAN	ORGANISASI	JUSTIFIKASI
1.	Dr. Mohamad Norjayadi Tamam	Timbalan Ketua Pengarah	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Ketua Delegasi
2.	Puan Mazuin Dahlan	Pengurus Kanan		Ketua Projek bagi kajian <i>Gini Coefficient Dynamics</i>
3.	Puan Siti Sakinah Mohd Zaki	Penolong Pengurus		Koordinator Projek bagi kajian <i>Gini Coefficient Dynamics</i>

**MISI PENANDA ARAS KE KOREA SELATAN BAGI KAJIAN
ANALYZING THE IMPACT OF WAGE INEQUALITY AMONG MSMES ON LABOR
PRODUCTIVITY GROWTH IN MALAYSIA'S LABOUR MARKET: A STUDY OF THE
GINI COEFFICIENT DYNAMICS.**

1 – 5 SEPTEMBER 2025 | KOREA SELATAN

ANGGARAN PERBELANJAAN

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (TWIP)		
<u>KOD</u>	<u>BUTIRAN</u>	<u>JUMLAH (RM)</u>
29105	Bayaran Perunding – Kos termasuk di dalam Skop Kajian <i>Gini Coefficient Dynamics</i> (RM15,000.00 seorang x 3 pegawai)	45,000.00
	Jumlah Penggunaan Peruntukan TWIP	<u>45,000.00</u>
PERUNTUKAN OPERASI (MENGURUS-PP)		
<u>KOD</u>	<u>BUTIRAN</u>	<u>JUMLAH (RM)</u>
15102	Tuntutan Elaun Baju Panas untuk Pegawai MPC (RM1500 seorang) x 3 pegawai	4,500.00
29403	Perbezaan Harga Tambang Kapal Terbang Business Class: (1 Pegawai X Rm10,000)	10,000.00
21202	Tuntutan Elaun Makan untuk Pegawai MPC semasa Misi Penandaarasan i. Jusa C (RM350.00 sehari x 7 hari) ii. Pengurus Kanan E48 (RM270.00 sehari X 7 hari) iii. Penolong Pengurus E41 (RM255.00 sehari X 7 hari)	2,450.00 1,890.00 1,785.00
21101	Tuntutan Perjalanan untuk Pegawai MPC (RM100.00 untuk satu hala x 2 hala x 3 pegawai)	600.00
	Pembaharuan Passport (RM200 x 3 pegawai)	600.00
	Jumlah Penggunaan Peruntukan Usahsama RKB-STAR (RM)	<u>21,825.00</u>
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	<u>66,825.00</u>

**MISI PENANDA ARAS KE KOREA SELATAN BAGI KAJIAN
ANALYZING THE IMPACT OF WAGE INEQUALITY AMONG MSMES ON LABOR
PRODUCTIVITY GROWTH IN MALAYSIA'S LABOUR MARKET: A STUDY OF THE
GINI COEFFICIENT DYNAMICS.**

1 – 5 SEPTEMBER 2025 | KOREA SELATAN

TENTATIF PROGRAM

MASA	PROGRAM
HARI 1 1 September 2025	• Berlepas dari KLIA Terminal 1 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon • Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon
HARI 2 2 September 2025	• Misi pembelajaran ke Ministry of Employment and Labor (MOEL) • Misi pembelajaran ke Korea Labor Institute
HARI 3 3 September 2025	• Misi pembelajaran ke Ministry of SMEs and Startups (MSS) • Misi pembelajaran ke syarikat amalan terbaik (Best Practices Company)
HARI 4 4 September 2025	• Misi pembelajaran ke Korea SMEs & Startups Agency (KOSME) • Misi pembelajaran ke syarikat amalan terbaik (Best Practices Company)
HARI 5 5 September 2025	• Misi pembelajaran ke Seoul Business Agency • Berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Malaysia